

POTENTIAL FOR IMPROVING THE IMPLEMENTATION OF AGRICULTURAL AND LIVESTOCK WAQF: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW (SLR)

POTENSI PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN WAKAF PERTANIAN DAN PENTERNAKAN: TINJAUAN LITERATUR SISTEMATIK

Mohd Faiz Mohamed Yusofⁱ, Nurhanani Romliⁱⁱ, Azri Bhariⁱⁱⁱ,
 Mohamad Mahyuddin Khalid^v, & Mohd Ashrof Zaki Yaakob^{iv}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. faizyusof@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak. nurhanani@fpe.upsi.edu.my
- ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Azrib178@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. emkay@uitm.edu.my
- ^v Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. ashrof@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>The potential development of this agricultural and livestock waqf project is in line with the second sustainable development goal of producing sustainable agriculture and food supply security and aims to improve the quantity and quality of nutrition while stopping the issue of hunger. Furthermore, the issue of increasing prices for protein and agricultural sources such as chicken and vegetables has recently troubled consumers. Among the causes of this problem are unstable supply and demand and the suspension of the import of protein sources from foreign countries. Therefore, this study will identify potential improvements in the implementation of agricultural and livestock waqf projects to initiate initial actions to strengthen food security in Malaysia. This study applies a systematic literature review (SLR) methodology. The Scopus database was selected to access articles related to waqf agriculture and livestock farming. These articles will be analysed thematically using Atlas.ti 9. The findings of the study will produce the main themes of the study, including financial assistance for agricultural and livestock waqf projects, the duration of waqf land agreements, agricultural areas and good facilities, the quality of agricultural seeds and breeds for livestock farming, and exposure to modern agricultural practices.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf, Agriculture, Livestock, SDG, SLR.</i></p>
Abstrak	<p><i>Potensi pembangunan projek wakaf pertanian dan penternakan selaras dengan matlamat pembangunan mampan kedua untuk menghasilkan pertanian mampan dan sekuriti bekalan makanan serta bertujuan menambah baik kuantiti dan kualiti pemakanan sekaligus menghentikan isu kebuluran. Tambahan lagi, isu kenaikan harga sumber protein dan pertanian seperti ayam dan sayuran baru-baru ini telah membebankan pengguna. Antara penyumbang kepada permasalahan ini adalah permintaan dan penawaran yang tidak seimbang dan tanggungan terhadap import dari luar negara.</i></p>

	<p><i>Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti potensi penambahbaikan dalam pelaksanaan projek wakaf pertanian dan penternakan untuk memulakan tindakan awal mengukuhkan sekuriti makanan di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan metodologi sorotan literatur secara sistematik (SLR). Pangkalan data dalam talian Scopus dipilih untuk mengakses artikel yang berkaitan dengan wakaf pertanian dan penternakan. Sorotan literatur ini seterusnya dianalisis secara tematik menggunakan Atlas.ti 9. Dapatan kajian akan menghasilkan tema-tema utama kajian antaranya bantuan kewangan projek wakaf pertanian dan penternakan, tempoh perjanjian tanah wakaf yang jelas, lokasi tanah dan fasiliti pengangkutan yang bersesuaian, kualiti benih pertanian dan baka penternakan yang terbaik serta pendedahan latihan pertanian moden.</i></p> <p>Katakunci: <i>Wakaf, Pertanian, Penternakan, SDG, SLR.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Sekuriti makanan boleh ditakrifkan sebagai situasi semua penduduk mempunyai kebolehcapaian fizikal dan kemampuan ekonomi untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat dengan kadar yang sepatutnya. Nutrisi pengambilan makanan tersebut mestilah mencukupi untuk setiap individu melakukan aktiviti fizikal secara sihat dan cergas. Oleh yang demikian, setiap negara membangun termasuklah Malaysia perlu membuat persediaan dalam aspek kecukupan sekuriti makanan terutamanya melibatkan makanan asas. Persediaan sekuriti makanan merangkumi persediaan menghadapi peningkatan jumlah penduduk dari tahun ke tahun.

Bekalan ternakan bukan ruminan seperti ayam, itik, babi dan telur adalah mencukupi. Namun begitu, Malaysia berhadapan dengan masalah kekurangan komoditi makanan yang lain termasuklah buah-buahan, produk susu dan tenusu, beras dan stok daging yang menyebabkan produk ini terpaksa diimport dari luar negara. Aktiviti import komoditi makanan ini juga menyebabkan peningkatan harga makanan tersebut dalam pasaran seterusnya mengakibatkan kekangan penduduk untuk mendapatkan keperluan makanan tersebut khusus bagi penduduk berpendapatan rendah. Kajian turut bahawa komuniti luar bandar yang berpendapatan rendah berkemungkinan terdedah dengan risiko kekurangan makanan disebabkan beberapa faktor antaranya ialah saiz isi rumah lebih ramai, peningkatan kos pendidikan anak-anak disebabkan jumlah anak yang ramai dan juga sumber pendapatan yang terhad. Oleh yang demikian, semua pihak perlu bekerjasama meningkatkan pengeluaran makanan termasuklah produk daging ternakan dan susu seperti kambing dan lembu dan juga makanan asasi yang lain (Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan, 2017)

PERMASALAHAN KAJIAN

Potensi pembangunan projek wakaf pertanian dan penternakan ini selaras dengan salah satu yakni matlamat kedua daripada 17 matlamat pembangunan mampan yang dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sewaktu Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bertarikh September 2015 di New York, Amerika Syarikat yang perlu dicapai menjelang 2030. Matlamat pembangunan mampan merupakan agenda pembangunan dan kebajikan manusia dan kehidupan global. Matlamat pembangunan mampan yang kedua ditetapkan untuk mendapatkan pertanian mampan dan keselamatan makanan, selain bertujuan menambah baik kuantiti dan kualiti pemakanan dan sekaligus menamatkan kelaparan (United Nations, 2022).

Matlamat pembangunan mampan yang kedua, ditetapkan untuk mendapatkan pertanian mampan dan keselamatan makanan, berserta dengan menambah baik pemakanan dan menamatkan kelaparan. Ini adalah matlamat yang sangat penting berikutan terdapat pelbagai cabaran dalam pengeluaran makanan melalui pertanian dan penternakan terutamanya dari segi akses kepada faktor pengeluaran penting seperti

pembiayaan projek pertanian dan penternakan, kos benih, baja dan racun perosak, teknologi pengeluaran dan kelemahan pengetahuan dan akses terhadap permintaan dan pasaran hasil pertanian yang dikeluarkan (Pingali, 2012; Poulton et al., 2010).

Sekiranya industri pertanian dan penternakan tidak dibangunkan secara lestari dalam sesebuah negara, maka negara tersebut akan terdedah kepada isu ketidakcukupan bekalan makanan atau turut disebut sebagai ancaman terhadap agenda sekuriti makanan negara. Isu sekuriti makanan sesebuah negara boleh mencetuskan banyak situasi yang tidak diinginkan termasuk kekurangan zat makanan generasi muda. Ketidakcukupan makanan yang kritikal boleh mengakibatkan kebuluran dan akhirnya memberi kesan situasi politik yang tidak kondusif untuk mentadbir negara. Senario yang lebih buruk lagi yang mungkin berlaku ialah berisiko menyebabkan peperangan saudara akibat perebutan sumber makanan. Oleh hal yang demikian, isu pertanian dan penternakan perlu diketengahkan untuk memastikan usaha yang lestari untuk memastikan agenda sekuriti makanan sentiasa menjadi salah satu keutamaan dalam sesebuah negara (Abduh, 2019).

Belanjawan (2021) memperuntukkan sebanyak 1.4 bilion ringgit bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam dan memperkasa pengurusan wakaf melalui kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC). Pelan Induk Wakaf Nasional diwujudkan bagi memastikan pengurusan wakaf yang lebih cekap dan memaksimumkan mobilisasi aset wakaf masa hadapan. Umum mengetahui, Malaysia berhadapan dengan isu sejumlah besar tanah wakaf yang masih terbiar dan tergendala untuk dimajukan meliputi keluasan seluas 11,091.82 hektar terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas. Bilangan keluasan tanah wakaf am merangkumi 4,836.5 hektar dan selebihnya 6,255.32 hektar adalah tanah wakaf khas.

Yaakob et al. (2019) telah menganalisis dalil berkaitan wakaf bahawa baginda Nabi SAW kepada sahabat baginda agar melaksanakan ibadah wakaf. Rasulullah SAW menyatakan kepada Abu Talhah RA bahawa sedekah terbaik adalah memberikan harta yang paling disayangi untuk diwakafkan. Setelah mendengar penjelasan daripada Rasulullah SAW, Abu Talhah RA tanpa berlengah lagi terus mewakafkan harta kesayangan beliau, iaitu sebuah kebun kurma dan telaga Bayruha' untuk dijadikan sebagai harta wakaf (Al-Syarbini, n.d) dalam hadith seperti berikut:

Anas bin Malik RA berkata: Abu Talhah adalah orang yang paling banyak hartanya dalam kalangan Ansar di Kota Madinah yang berupa kebun pohon kurma. Kemudian harta benda yang paling dicintainya adalah Bayruha' (nama telaga) yang menghadap ke masjid dan Rasulullah SAW sering memasuki kebun itu dan minum airnya yang terbaik tersebut. Anas Berkata: Ketika turunnya firman Allah SWT surah Ali 'Imran (3: 92) yang bermaksud, "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya." Abu Talhah mendatangi Rasulullah SAW lalu berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah SWT berfirman, "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi" dan sesungguhnya harta yang paling aku cintai ialah Bayruha' dan sekarang ia menjadi sedekah pada jalan Allah dan aku berharap kebajikannya dan sebagai simpanan pahala di sisi-Nya, maka ambillah ia wahai Rasulullah sebagaimana petunjuk Allah kepada engkau." Maka Rasulullah SAW bersabda, "Wah, inilah harta yang menguntungkan, atau harta yang pahalanya mengalir terus (pada kalimah ini Abu Salamah ragu)", sungguh aku dapat mendengar apa yang kamu katakan dan aku berpendapat sebaiknya kamu sedekahkan buat kerabatmu." Maka Abu Talhah berkata, "Aku akan laksanakan wahai Rasulullah." Lalu Abu Talhah membahagikannya untuk kerabatnya dan anak saudaranya" (Hadith. al-Bukhari: 4189, 5180; Muslim: 1664).

Hadis ini merupakan justifikasi pelaksanaan ibadah wakaf menurut perspektif hadis. Seterusnya, model pelaksanaan wakaf terus berkembang dan mengalami evolusi mengikut keperluan semasa termasuklah cadangan pelaksanaan projek wakaf pertanian dan penternakan namun rukun dan matlamat asal wakaf tetap dikekalkan iaitu memberi manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat umum.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menganalisis sorotan literatur secara sistematik. Pangkalan data dalam talian Scopus dipilih untuk mengakses artikel yang berkaitan dengan wakaf berkaitan pertanian dan penternakan. Proses screening dan eligibility juga turut digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan artikel yang menepati dengan kehendak, skop serta tujuan kajian. Carian data digunakan dengan memfokuskan kepada beberapa kata kunci dan digabungkan dengan menggunakan teknik Boolean Operator seperti berikut: TITLE-ABS-KEY (("Waqf" OR "wakaf") AND ("agriculture*" OR "pertanian" OR "livestock" OR "penternakan")). Seterusnya, pangkalan data menunjukkan sebanyak 14 buah artikel yang berkaitan dengan kajian dan juga kata kunci Teknik Boolean Operator (Kitchenham & Charters, (2007); Shaffril, M. samah, Samsuddin & Ali (2019).

Dapatan carian menggunakan Boolean Operator daripada pangkalan data Scopus menghasilkan 14 artikel. Walaubagaimanapun, tiada inclusion dan exclusion yang dilakukan dalam pencarian pangkalan data Scopus berikutan jumlah dapatan hanya sebanyak 14 artikel. Namun begitu, sebanyak dua artikel ditolak berikutan tidak mempunyai kaitan tema analisis literatur iaitu yang membincangkan pembangunan kejuruteraan di Selatan Bandar Al-Waqf, Mesir. Begitu juga, artikel tidak berkaitan membincangkan bahagian dataran pantai Israel yang dikenali sebagai Pasir Yavneh antara 1800 dan 1948. Dua artikel lain turut ditolak berikutan tidak mempunyai kaitan dengan wakaf dan penternakan atau pertanian. Manakala, satu artikel bab dalam buku ditolak kerana tiada akses terhadap teks penuh dokumen.

Kajian ini turut menambah pendekatan kajian analisis sistematik literatur dengan menganalisis menggunakan Atlas.ti 9 untuk membangunkan tema dalam menganalisis literatur. Literatur yang dikumpulkan dimuatnaik sebagai dokumen dalam program Atlas.ti 9. Literatur tersebut seterusnya dikodkan mengikut pengekodan kategori. Pengekodan mengikut kategori adalah berdasarkan perbincangan idea-idea, konsep atau apa-apa yang maklumat yang dinyatakan dalam literatur tersebut. Pengekodan kategori digunakan untuk mengurangkan data dengan menggabungkan kod-kod awal kepada kategori yang lebih besar yang menggabungkan pelbagai kod-kod awal. Ini bertujuan meminda kod-kod awal yang agak literal atau makna tersurat sahaja kepada kod-kod yang mempunyai konsep tertentu (Hesse-Biber, 2010). Pendekatan pengekodan untuk membangunkan tematik ini telah digunakan dalam kajian kualitatif.

Namun begitu, proses pengekodan boleh dilakukan mengikut kepelbagaian bergantung kepada konteks kajian yang dijalankan (Saldana, 2013). Setelah pengekodan kategori, kod-kod kategori akan digabungkan mengikut tema dan idea-idea yang dibentuk berdasarkan data-data temu bual yang telah dikodkan. Pengekodan bertema ini bertujuan untuk membentuk gabungan tema bagi mewujudkan sebuah model, teori atau hubungan yang baru hasil daripada analisis kajian kualitatif yang dijalankan. Dalam menganalisis sorotan literatur, aplikasi Atlas.ti 9 ini memudahkan pengasingan data-data dalam literatur mengikut kategori tema-tema tertentu untuk membangunkan tematik dalam menganalisis sorotan literatur (Yusof & Romli, 2019).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan pencarian Teknik SLR pangkalan data Scopus menunjukkan 14 artikel telah didapati berdasarkan pencarian menggunakan kata kunci wakaf, pertanian dan penternakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Namun, hanya 9 artikel yang diterima untuk dianalisis secara tematik dalam kajian seperti berikut:

No.	Penulis	Permasalahan Kajian	Metodologi	Dapatan Kajian
1.	Azizan et al., (2021)	Potensi tanah wakaf terbiar untuk pertanian komersil	Temubual pentadbir wakaf di Selangor dan Perak.	Pentadbir wakaf tidak menghalang penggunaan tanah wakaf untuk pertanian komersil tetapi perlu diserahkan semula untuk tujuan asal berdasarkan niat asal pewakaf.
2	Sanusi et al., (2021)	Wakaf zurri berpotensi dilaksanakan untuk memberi alternatif agihan pewarisan selain daripada faraid, wasiat dan hibah.	Metode kualitatif dengan menemubual empat pentadbir wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	Wakaf zurri berpotensi dilaksanakan namun memerlukan tatacara dan prosuder yang lebih baik.
3	Ali Azizan et al., (2021)	Isu-isu pengurusan tanah wakaf di Perak dan Selangor	Metode Kualitatif dengan menemubual 10 informan berkaitan undang-undang, syariah dan wakil MAIN.	Pertanian komersil boleh dijalankan di tanah wakaf terbiar dengan Kerjasama syarikat-syarikat swasta yang mempunyai reputasi tinggi untuk kelestarian perniagaan dan memberi manfaat kepada penduduk setempat termasuklah golongan B40.
4.	Hudaefi (2020)	Isu teknologi fintech kewangan Islam untuk mencapai matlamat kelestarian sosial (SDGs)	Metode kualitatif dengan analisis kajian literatur, analisis dokumen rasmi badan pengawalselia.	Teknologi fintech menyokong untuk menyumbang dana kewangan untuk aktiviti pertanian komersil di kawasan kurang membangun. Teknologi Fintech memberi dana untuk menghadapi bencana alam dan merupakan medium kutipan dan agihan wakaf dan sadakah untuk mengurangkan jurang pendapatan di Indonesia.
5.	Bazzi et al., (2020)	Penyerahan tanah wakaf kepada pesanteran dan masjid dan impak terhadap politik gerakan Islam di Indonesia.	Metode kuantatif	Impak positif penyerahan tanah wakaf terhadap Gerakan Islam yang kini turut mempunyai kedudukan kukuh dalam politik di Indonesia.
6.	Abduh, (2019)	Mengkaji peranan kewangan sosial Islam dalam mencapai Matlamat Pembangunan	Metode kualitatif dengan analisis dokumen berkaitan	Dapatan menunjukkan infāq, wakaf dan zakat adalah dana dermawan alternatif yang sangat baik untuk menampung jurang pelaburan SDG global purata tahunan USD2.5 trilion melalui

		Mampan (SDGs) yang ke-2 dengan transaksi infāq, wakaf dan zakat dan gabungan kontrak Iḥyā' al-Mawāt dan al-Iqtā'.	Matlamat Pembangunan Mampan.	pembiayaan makmal penyelidikan terkini, menghentikan kelaparan dan menambah baik nutrisi pemakanan serta mencapai keperluan sekuriti makanan. Iḥyā' al-Mawāt dan al-Iqtā' boleh menjadi alternatif terbaik untuk mencapai sasaran jangka panjang iaitu pertanian lestari.
7.	Amuda et al., (2019)	Bagaimanakah harta wakaf boleh disalurkan kepada perniagaan tani pada koko, sawit projek ladang minyak pokok dan kapas yang akan membantu dalam memperkasakan umat Islam Nigeria yang memerlukan.	Metode kualitatif dan kuantitatif	Potensi dana Wakaf Tunai digabungkan dengan sumber tanah untuk pertanian bagi penjaan pendapatan dan pengurangan kemiskinan di Nigeria yang merupakan sebuah negara berpenduduk tinggi. Ini turut dipercayai bahawa meningkatkan peluang pekerjaan akan melalui pengurusan projek yang betul dan cekap.
8.	Shabbir, (2018)	Penentuan klasifikasi dan keutamaan dalam pembangunan tanah wakaf di Selangor	Metode kuantitatif menggunakan analisis Analytic Hierarchy Process (AHP)	Tanah wakaf di Gombak diklasifikasikan sesuai dibangunkan institusi agama, daerah Kuala Selangor pula perlu diberi keutamaan dalam pembangunan projek perumahan dan daerah Hulu Selangor sesuai dibangunkan aktiviti pertanian untuk membangunkan kawasan sekitar.
9.	Omar & Sanyinna, (2018)	Pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu pentadbiran wakaf	Metode kualitatif menggunakan pendekatan naratif	Menekankan aspek akauntabiliti dan tranparensi dalam pengurusan wakaf dan mencadang penglibatan pihak penerima wakaf dalam memformulasi dan penambahbaik pengurusan wakaf.

Jadual 1: SLR berkaitan Wakaf Pertanian dan Penternakan

Berdasarkan kepada Jadual 1 dapatan analisis tinjauan literatur sistematik (SLR), sebanyak sembilan artikel berkaitan wakaf pertanian dan penternakan. Azizan et al., (2021) mengkaji potensi tanah wakaf di Malaysia mempunyai potensi besar untuk dibangunkan namun begitu kebanyakan tanah tersebut kurang dimanfaatkan berikutan isu pentadbiran dan perundangan. Didapati sekitar 87% daripada tanah wakaf seluas 30,000 hektar sehingga 2018 tidak dimanfaatkan sebaiknya. Kajian ini telah menjalankan kajian kualitatif dengan menemubual pentadbir wakaf di negeri Selangor dan Perak untuk meneroka isu potensi pembangunan tanah wakaf untuk pertanian komersil. Dapatan kajian menunjukkan pentadbir wakaf di negeri Selangor dan Perak tidak menghalang penggunaan tanah untuk pertanian namun hanya dibenarkan penggunaan tanah wakaf untuk tujuan sementara

sahaja dan kemudiannya tertakluk kepada niat asal pewakaf. Kajian ini turut memperkenalkan The Waqf Trustee-Anchor Company-Community Farmer Model.

Sanusi et al., (2021) mendapati wakaf zurri sebagai alternatif untuk perancangan harta pusaka apabila kematian ibu bapa seseorang selain daripada wasiat, faraid dan hibah. Kajian ini turut mendapati dana wakaf zurri turut berpotensi menjalankan aktiviti pertanian sekaligus memberi pelbagai peluang pekerjaan di lokasi setempat. Ali Azizan et al., (2021) mendapati bahawa masalah pengurusan wakaf termasuklah faktor perundangan dan isu syariah masih belum selesai yang menyebabkan terdapat banyak lagi isu tanah terbiar. Oleh yang demikian, kajian ini mengemukakan cadangan model pembangunan tanah wakaf untuk pertanian yang melibatkan syarikat-syarikat yang berkepakaran. Penglibatan syarikat-syarikat swasta bertujuan untuk memastikan projek pertanian komersil dijalankan secara holistik dan kompetitif termasuk mencari dan memenuhi keperluan pasaran sekaligus mampu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Hudaefi (2020) mendapati bahawa teknologi dalam kewangan Islam (Islamic Fintech) memberi impak positif dalam mencapai matlamat kelestarian sosial (SGDs) antara termasuklah teknologi Fintech boleh memberi dana permulaan atau pembiayaan untuk menjalankan aktiviti perusahaan pertanian bagi kawasan tertentu di Indonesia. Teknologi Fintech ini turut mampu mengumpulkan dana untuk membantu mangsa apabila berlaku bencana alam seperti gempa bumi dan tsunami yang seringkali melanda Indonesia. Selain itu, teknologi fintech ini boleh digunakan untuk mengumpulkan dana melalui kontrak wakaf dan sedekah. Dana wakaf dan sedekah ini kemudiannya boleh diagihkan semula untuk pembangunan ekonomi termasuklah permulaan perniagaan kecil dan sederhana sekaligus cuba mengurangkan jurang pendapatan antara penduduk kaya dan miskin di Indonesia.

Bazzi et al. (2020) mengemukakan kajian mendapati pemilik tanah di Indonesia cenderung pada sekitar 1060an cenderung untuk mewakafkan tanah kepada guru-guru agama Islam untuk membangunkan pesanteran pengajian Islam atau masjid. Tindakan mewakafkan tanah ini memberi implikasi Gerakan Islam di Indonesia yang turut menguasai suasana politik di Indonesia.


Abduh (2019) mengemukakan pandangan mengenai sejauhmana zakat, wakaf dan infak mampu mencapai Matlamat Pembangunan Mampan yang kedua iaitu menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan. Abduh (2019) menjelaskan bahawa pihak berkuasa dalam pengurusan zakat, wakaf dan infak dapat mencapai tiga perkara utama dalam SDGs iaitu pertama, menyediakan makanan bernutrisi dan keperluan perubatan kepada golongan miskin. Kedua, zakat berperanan menyediakan makanan bernutrisi dan ubat-ubatan kepada asnaf-sanaf zakat yang telah ditentukan. Ketiga, institusi berkuasa zakat, wakaf dan infaq berperanan membangunkan fasiliti yang boleh menyokong kelestarian usaha pertanian, kecukupan sekuriti makanan dan pembekalan nutrisi makanan yang mencukupi. Kajian ini turut mengemukakan peranan zakat, wakaf dan infaq boleh dijayakan dengan kontrak-kontrak yang bertujuan untuk pembangunan tanah secara khusus seperti *ihyā' al-mawāt and al-iqtā'*. Amudaa et al., (2019) mengemukakan kajian bahawa dana wakaf tunai dan sumber tanah sangat berpotensi dibangunkan melalui pertanian koko, kelapa sawit dan kapas secara komersil di Nigeria. Negara Nigeria merupakan sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk yang pada dijangka mampu memberi impak positif terhadap pembangunan ekonomi negara mereka dengan 3 jenis pertanian komersil koko, kelapa sawit dan kapas yang seterusnya mampu meningkatkan peluang pekerjaan di Nigeria.

Shabbir (2018) mengkaji penentuan klasifikasi dan keutamaan dalam pembangunan tanah wakaf di Selangor. Kajian ini membahagikan mengikut empat sektor yang utama dalam pembangunan tanah wakaf antaranya pertanian, pengkomersilan, perumahan dan pembangunan institusi agama seperti masjid, surau antara sekolah agama. Shabbir (2018) mendapati bahawa kawasan daerah Gombak begitu sesuai untuk dibangunkan bangunan berkaitan institusi Islam berikutan daerah Gombak berda di kawasan yang hampir dengan aktiviti komersil dan perdagangan. Tanah wakaf di daerah

Kuala Selangor pula mempunyai keutamaan untuk dibangunkan projek perumahan kerana lokasi daerah Kuala Selangor mempunyai akses terhadap kemudahan awam. Seterusnya, daerah Hulu Selangor pula diklasifikasikan sebagai lokasi yang sesuai dibangunkan projek-projek pertanian komersil. Projek pertanian komersil di atas tanah wakaf di daerah Hulu Selangor akan menyumbang kepada pembangunan kawasan sekitar pada masa hadapan.

Omar & Sanyinna (2018) mengenalpasti isu-isu dalam pentadbiran aset wakaf seperti kelemahan aspek pengurusan aset wakaf, kegagalan dalam pengurusan hartanah wakaf sehingga sebabkan kejatuhan nilai aset wakaf. Kegagalan pengurusan aset wakaf turut dikaitkan dengan kecuaiian dalam perundangan, kekurangan sokongan pentadbiran kerajaan, ketiada kesedaran kepentingan wakaf di kalangan masyarakat awam dan peningkatan salah guna kuasa dan rasuah dalam pengurusan aset. Dapatan kajian ini mencadangkan aspek tranparansi dan akauntabiliti perlu diberi perhatian dalam pengurusan aset wakaf. Selain itu, pengurusan aset wakaf juga memberi perhatian dalam perhubungan pewakaf dengan penerima wakaf. Penerima aset wakaf dilibat untuk mewujudkan sikap produktif penerima manafaat wakaf dalam memformulasi dan menambahbaik model pengurusan aset wakaf.

DAPATAN ANALISIS TEMATIK PENDEKATAN DALAM POTENSI PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN PROJEK WAKAF PERTANIAN DAN PENTERNAKAN



Rajah 1: Hasil Analisis Tematik SLR berkaitan Wakaf Pertanian dan Penteranakan

Analisis tematik telah menghasilkan kod-kod yang dipetik daripada artikel jurnal yang didapati daripada prosuder teknik SLR dan dirangka membentuk tema perbincangan mengenai pendekatan yang dicadangkan dalam menjalankan projek wakaf pertanian dan penteranakan.

Bantuan Kewangan Projek Wakaf Pertanian dan Penteranakan

Abduh (2019) mencadangkan beberapa pendekatan untuk mendapat bantuan kewangan bagi menjalankan projek pertanian dan pertanian yakni melalui sumbangan wakaf dan sedekah atau melalui pembiayaan mikro daripada institusi kewangan Islam. Khan (2012), Ali (2014), Borio (2017) dan Céspedes et al. (2017) turut menyokong idea kepelbagaian kontrak kewangan Islam boleh diaplikasikan bagi merangka kontrak projek wakaf termasuk kontrak *al-salam*, *mudharabah* dan *musyarakah*. Begitu juga Yusof et al., (2021) mengemukakan pembiayaan projek wakaf berpotensi mengaplikasi pelbagai kontrak dalam kewangan bergantung kepada skala perusahaan sama ada kecil, sederhana atau berskala besar. Omar & Sanyinna (2018) turut mencadangkan pihak institusi wakaf boleh mempelbagaikan bentuk bantuan yang pelbagai bagi mendorong golongan miskin yang

ingin membangunkan ekonomi diri dan keluarga serta turut menumpukan bantuan kewangan, khidmat nasihat kepada golongan miskin tegar untuk membantu pelbagai sosio ekonomi mereka.

Tempoh Perjanjian Tanah Wakaf Yang Jelas

Salah satu komponen utama yang penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek melalui jaminan perjanjian tempoh pelaksanaan projek wakaf yang jelas melalui kontrak perundangan. Selain itu, rojek wakaf perlu bertujuan untuk memenuhi keperluan benefisiari penerima manfaat wakaf. Oleh yang demikian, objektif wakaf yang bertujuan mampu memenuhi dan mencapai objektif pengagihan semula pendapatan kepada golongan yang memerlukan selanjutnya mampu mengukuhkan sosio ekonomi komuniti secara menyeluruh (Omar & Sanyinna, 2018).

Lokasi Tanah dan Fasiliti Pengangkutan Yang Bersesuaian

Secara umumnya, lokasi tanah wakaf terbiar berada di kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, penduduk luar bandar berhadapan dengan isu kadar pendapatan isi rumah yang agak rendah berbanding kawasan bandar dan pinggir bandar. Oleh yang demikian, inisiatif cadangan menjalankan projek wakaf pertanian dan penternakan di kawasan luar bandar merupakan solusi yang terbaik bagi menangani isu tanah wakaf yang terbiar. Dengan pembangunan projek wakaf ini turut membantu meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dengan pengkomersil projek wakaf pertanian dan penternakan (Ali Azizan et al., 2021b). Amuda et al., (2019) turut menjelaskan faktor utama kejayaan usaha pertanian dan penternakan ialah sekiranya kerajaan menyediakan keselamatan yang mencukupi, elektrik, jalan raya yang baik dan kemudahan lain yang berkaitan di seluruh negara termasuk undang-undang yang membolehkan untuk memudahkan percubaan itu.

Kualiti Benih Pertanian dan Baka Penternakan yang Terbaik

Abduh (2019) mengemukakan pandangan bahawa terdapat dua pendekatan untuk meningkatkan produktiviti dalam sektor ladang dan pertanian iaitu dengan mendapatkan kualiti benih ternakan dan tanaman yang terbaik dan meningkat kawasan keluasan tanah pertanian dan ladang penternakan. Abduh (2019) mencadangkan penubuhan makmal penyelidikan beserta sejumlah geran untuk menjalankan penyelidikan berkaitan pertanian dan penternakan ini. Dalam konteks Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebuah badan berkanun yang telah diberikan tanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang makanan dan pertanian dan industri asas tani di Malaysia. MARDI ditubuhkan di bawah Akta MARDI (1969) selama hampir 40 tahun telah menghasilkan pelbagai varieti termasuklah klon tanaman baru, baka ternakan baru dan kaedah pengurusan teknologi dalam pertanian dan penternakan. Teknologi terkini telah juga dihasilkan dalam bidang pemprosesan makanan dan pengendalian lepas tuai bagi produk hortikultur dan ternakan. Teknologi ICT dimanfaatkan dalam pengurusan dan pengendalian ladang seperti teknologi pertanian tepat bagi tanaman padi serta penganggaran hasil tanaman menerusi teknik pengimejan. Teknik-teknik baru juga dimajukan untuk pengurusan alam sekitar dan sumber pertanian terutamanya air, tanah dan sumber genetik dengan lebih cekap (MARDI, 2022).

Pendedahan Latihan Pertanian Moden

Abduh (2019) menjelaskan faktor biasa mengapa sesetengah pemilik tanah tidak mengusahakan tanah mereka adalah kerana mereka kekurangan pengetahuan berkaitan pertanian dan teknologi pertanian semasa. Di Malaysia misalnya selain melaksanakan projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), MARDI juga menyediakan khidmat teknikal dan pembangunan usahawan dalam bidang makanan, pertanian dan khidmat lain dalam industri berkenaan. Khidmat teknikal adalah dalam bentuk khidmat nasihat, perundingan, latihan teknikal, khidmat makmal dan pengesanan mutu, pembangunan produk dan proses serta peningkatan teknologi. Para usahawan yang menerima pakai teknologi MARDI telah

berjaya menyumbangkan kepada kemajuan sektor makanan, pertanian dan industri asas tani negara. Ini telah membantu memampangkan sektor pertanian sebagai penyumbang kepada ekonomi Malaysia. Berdasarkan data terkini MARDI menunjukkan bahawa pendekatan penyelidikan bukanlah asing dalam industry pertanian dan penternakan di Malaysia. Namun begitu, belum terdapat pelaksanaan projek wakaf khususnya wakaf penternakan mengambil manfaat langsung daripada teknologi yang dihasilkan oleh pihak MARDI. Ini merupakan potensi yang begitu baik untuk memacu pelaksanaan projek wakaf pertanian dan penternakan berintegrasi teknologi pada masa akan datang (MARDI, 2022).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, situasi industri pertanian dan pertanian di Malaysia telah menawarkan semua penambahbaikan yang dicadangkan dalam analisis tinjauan literatur sistematik (SLR) yang telah dibincangkan termasuklah bantuan kewangan, teknologi penyelidikan pertanian dan penternakan, menyediakan latihan untuk usahawan tani dan ternak dan pelbagai lagi kemudahan khusus untuk aktiviti keusahawan berasaskan pertanian dan penternakan. Walaubagaimanapun, projek pertanian dan penternakan yang berasaskan kontrak wakaf masih dianggap baru dan memerlukan pelbagai kajian dan inisiatif tambahan. Tumpuan industri wakaf di Malaysia sebelum ini masih dalam aktiviti keagamaan khusus contohnya pembinaan masjid, tanah perkuburan dan institusi pendidikan agama. Seterusnya, model pelaksanaan wakaf mula berkembang dan berevolusi dalam konteks yang lebih komersil dengan pelaksanaan projek wakaf infrastruktur yang disewakan atau dipajak untuk mendapatkan keuntungan yang boleh diagihkan manfaat kepada benefisiri yang disetujui. Dengan pelbagai kemudahan teknologi pertanian dan penternakan sedia, masyarakat Muslim Malaysia perlu membangunkan inisiatif dan usaha untuk menjayakan pelaksanaan projek wakaf pertanian dan penternakan. Usaha ini dijangka mampu meningkatkan sekuriti makanan di Malaysia dan tambahan lagi berpotensi meningkatkan taraf hidup dan mengurangkan kadar kemiskinan sekaligus mampu mengurangkan gejala sosial dan jenayah yang disebabkan kemiskinan ini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan dengan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Kod Geran- FRGS/1/2023/SS01/UPSI/02/7

RUJUKAN

Buku

- al-Bukhari. (2000). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi dalam Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Salam.
- Hesse-Biber, S.N. (2010). *Mixed method research: Merging theory with practice*. New York: Guilford Press.
- Saldana, J. (2013). *The Coding Manual for Qualitative Researchers* (2nd ed.). London: Sage.

Jurnal

- Abduh, M. (2019). The Role of Islamic social Finance in Achieving SDG number 2: End Hunger, Achieve Food Security and Improved Nutrition and Promote Sustainable Agriculture. *Al-Shajarah*, (Special Issue Islamic Banking and Finance 2019), 185–206.
- Ali Azizan, N., Muhamat, A.A., Syed Alwi, S.F., Ali, H. & Abdullah, A.Q.C. (2022). Revitalising Waqf (endowment) lands for agribusiness: potentials of the anchor company models. *Journal of Agribusiness in Developing and Emerging Economies*, 12(3), 345-370.
- Ali, K. M. (2014). Waqf for poverty alleviation, Challenges and opportunities. *IRTI working paper* (wp # 1435-20). Jeddah: Islamic research and training institute.
- Amudaa, Y. J., Embib, N. C., & Oladapo, H. B. (2019). Tapping waqf (endowment) property financing into agribusiness in Nigeria. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 7(3), 159-172.

- Azizan, N. A., Muhamat, A. A., Alwi, S. F. S., Ali, H., Jaafar, M. N., & Jusoh, N. H. (2021). Agribusiness as the solution for the underutilized waqf lands: a viewpoint from the waqf administrators. *Planning Malaysia: Journal Of The Malaysian Institute Of Planners*, 19 (3), 295 – 306.
- Bazzi, S., Koehler-Derrick, G., & Marx, B. (2020). The institutional foundations of religious politics: Evidence from Indonesia. *The Quarterly Journal of Economics*, 135(2), 845-911.
- Borio (2017). The influence of monetary policy on bank profitability. *International Finance*, 20(1), 48-63.
- Céspedes, L. F., Chang, R. & Velasco, A. (2017). Financial intermediation, real exchange rates, and unconventional policies in an open economy. *Journal of International Economics*, 108, S76-S86.
- Hudaefi, F.A. (2020). How does Islamic fintech promote the SDGs? Qualitative evidence from Indonesia. *Qualitative Research in Financial Markets*, 12 (4), 353-366.
- Omar, H. H., & Sanyinna, A. Y. (2018). Administrative challenges of waqf institution in the contemporary world: future prospects. *The Journal of Social Sciences Research*, 294-299.
- Pingali, P. (2012). Green revolution: Impacts, limits, and the path ahead. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 109(31), 12302-12308.
- Poulton, C., Dorward, A., & Kydd, J. (2010). The future of small farms: New directions for services, institutions, and intermediation. *World Development*, 38(10), 1413-1428.
- Sanusi, S. W. S. A., Yaacob, S. E., & Salleh, M. F. M. (2021). Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Harta dalam Pembangunan Tamadun Islam: Waqf Zurri: An Instrument for Estate Planning in Developing Islamic Civilization. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 139-152.
- Shabbir, M. S. (2018). Classification and prioritization of waqf lands: a Selangor case. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 11(1), 40-58.
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., Samsuddin, S. F., & Ali, Z. (2019). Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all? *Journal of Cleaner Production*, 232, 104-117.
- Yaakob, M. A. Z., Suliaman, I., Bhari, A., Khalid, M. M., Mat Rani, M. A., & Mohamed Yusof, M. F. (2019). Hadis Wakaf Infrastruktur Berkaitan Masjid Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Satu Analisis. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2).
- Yusof, M. F. M., & Romli, N. (2019). Aplikasi program Atlas.ti dalam penyelidikan kualitatif pengajian pascasiswazah bidang pengajian islam: suatu cadangan awal. *Al-Hikmah*, 11(1), 3-21.
- Yusof, M. F. M., Romli, N., Bhari, A., Khalid, M. M., & Yaakob, M. A. Z. (2021). Potensi Pendekatan Pembiayaan Wakaf Penternakan Berskala Mikro, Sederhana dan Makro. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontempori*, 22(3), 100-114.

Laman Sesawang

- Belanjawan. (2021). <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub21.pdf>
- Institut Kajian Dasar Pertanian & Makanan. (2017). Sekuriti Makanan di Malaysia, https://ikdpm.upm.edu.my/artikel/sekuriti_makanan_di_malaysia-30913.
- Kitchenham, B., & Charters, S. (2007). Guidelines for performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering. EBSE Technical Report, EBSE-2007-01, Software Engineering Group, School of Computer, Science and Mathematics, Keele University.
- MARDI. (2022). Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. <https://www.mardi.gov.my/>
- United Nations. (2022). Department of Economic and Social Affairs Sustainable Development. <https://sdgs.un.org/goals>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.